



USUL SIDANG MUDA 2021

USUL MEWAJIBKAN PEMASANGAN PANEL SOLAR MELIPUTI SEKURANG- KURANGNYA 50% KELUASAN PERMUKAAN BUMBUNG BAGI PROJEK PERUMAHAN/BANGUNAN BARU

_Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan.

Negara Malaysia terletak di garisan Khatulistiwa yang menerima pancaran matahari terik sepanjang tahun. Secara purata, Malaysia menerima lebih kurang 6 jam sinaran matahari sehari. Ini menjadikan negara kita sesuai untuk menjana tenaga solar. Tenaga solar adalah lebih bersih. Langkah ini selaras dengan matlamat negeri Pulau Pinang melalui inisiatif Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat, dan Selamat yang dimulakan sejak tahun 2011. Jadi dengan penguatkuasaan pemasangan panel solar yang meliputi sekurang-kurangnya 50% keluasan bumbung bangunan baru yang dibina, ianya mampu menjadikan Pulau Pinang lagi 'hijau' kerana tenaga solar adalah tenaga hijau yang boleh diperbaharui. Menurut laporan *International Energy Agency* (IEA), tenaga solar bakal menjadi sumber tenaga utama menjelang tahun 2050. Sasaran jangka masa panjang Malaysia adalah untuk meningkatkan kapasiti tenaga solar kepada 9GW menjelang tahun 2050 dan setakat.

Seperti yang kita sedia maklum, penjanaan tenaga elektrik di negara ini datang daripada loji yang dioperasikan menggunakan pembakaran arang batu yang menghasilkan banyak gas buangan termasuk gas karbon dioksida yang menjadi penyumbang utama kepada isu pemanasan global. Hanya sekitar 17% sahaja tenaga elektrik yang dijana di Malaysia datangnya dari sumber hidroelektrik. Jadi bayangkanlah, betapa banyaknya pencemaran saban tahun daripada penjanaan tenaga elektrik oleh loji pembakaran arang batu.

Secara purata, system panel solar yang berjangka hayat 25 tahun dapat mengelakkan pembebasan gas karbon dioksida sebanyak 42 ton. Pemasangan sistem panel solar mampu memenuhi keperluan elektrik rumah atau bangunan tersebut selain mengurangkan kebergantungan terhadap bekalan elektrik negara. Negara Malaysia komited dalam mencapai status karbon neutral menjelang tahun 2050 seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan September lepas. Tenaga solar menjadi salah satu kunci utama dalam perkara ini.

Selain itu, lebih tenaga elektrik yang dijana dari sistem panel solar boleh disalurkan kembali kepada system grid elektrik nasional dan dijual kembali kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB). Jadi, ini boleh menjadi pendapatan tambahan kepada pemilik rumah ataupun bangunan

tersebut. Melalui inisiatif *Net Energy Metering* (NEM), lebih tenaga elektrik yang dijana boleh dikontra secara '1 on 1'. Untuk pengetahuan ahli Dewan yang mulia ini, sasaran NEM 3.0 adalah untuk mencapai sasaran kapasiti tenaga solar 500MW menjelang tahun 2023. Saya pasti usul ini dapat memangkin dan mempercepatkan sasaran tersebut. Menurut laporan The Edge Malaysia, system tenaga solar 8kW mampu menjana 9345kWh tenaga elektrik setahun.

Dalam erti kata lain sejumlah RM5,717 setahun dapat dijana atau dapat dijimatkan daripada kos penggunaan elektrik dengan tenaga solar.

Kita juga sedia maklum bahawa negara-negara maju telah jauh ke hadapan dalam usaha mengembangkan industri solar. Kita ambil contoh negara German telah melabur dalam ladang solar serta negara Amerika Syarikat serta China bertungkus-lumus membangunkan kereta yang menggunakan bateri yang mana perlu dicas menggunakan tenaga elektrik. Jenama kereta Tesla saya rasa adalah jenama yang tidak asing lagi bagi peminat kereta. Dengan ini, penggunaan tenaga elektrik dijangka akan meningkat beberapa kali ganda dalam jangka masa terdekat. Oleh itu, industri tenaga solar dan juga industri berkaitan seperti kereta hybrid/bateri merupakan industri masa hadapan yang berpotensi besar untuk mejana peluang pekerjaan serta akan merupakan sumber pendapatan yang penting untuk negara Malaysia. Cuba kita melihat ke negara jiran kita, Singapura yang baru-baru ini telah mewujudkan ladang solar terapung di atas laut. Mereka sedar betapa pentingnya tenaga solar yang kian mendapat permintaan tinggi. Malah di negara kita sendiri, ladang terapung solar yang mampu menjana 13MW telah dibina di Dengkil, Sepang.

Inisiatif ini juga akan mewujudkan satu ekosistem tersendiri yang akan menjana pelbagai peluang pekerjaan. Ia merupakan satu rantai bermula dari sektor pembuatan panel solar, ke sektor pemasangan dan juga sektor baik pulih dan penyelenggaraan sistem solar. Bayangkanlah betapa banyak peluang pekerjaan yang akan dijana yang seterusnya dapat mengurangkan masalah pengangguran serta dapat memperbaiki kualiti kehidupan rakyat Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua Dewan serta ahli-ahli Yang Berhormat,

Sebagai usaha untuk menggalakkan pemasangan panel solar, kerajaan bersama-sama dengan syarikat dalam industri solar telah memperkenalkan beberapa inisiatif. Antaranya termasuklah wang pendahuluan sifar ataupun dengan izin '*zero upfront cost*' dan juga faedah sifar pinjaman selama 36 bulan pertama atau dengan izin '*zero interest*'. Jadi, ini merupakan serampang dua mata yang mampu meringankan beban rakyat di samping dapat mempercepatkan usaha mencapai carbon neutral menjelang tahun 2050. Dalam konteks ini, kerajaan negeri Pulau Pinang memainkan peranan yang sangat penting sebagai negeri pertama di Malaysia yang mewajibkan pemasangan panel solar meliputi sekurang-kurangnya 50% keluasan bumbung bagi projek perumahan ataupun bangunan baru jika usul ini diluluskan.

Sebenarnya, usaha untuk menjadikan projek pembinaan yang lebih mesra alam bukanlah satu inisiatif yang baru. Jika kita melihat kembali, inisiatif Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPA) telah diperkenalkan sejak tahun 2011 dan kebanyakan negeri telah mewartakan dan meminda undang-undang kecil (UBKS 1984) yang mewajibkan bangunan perumahan serta kilang baru untuk memasang system SPAH. Dalam konteks ini, negeri Pulau Pinang boleh menjadi negeri yang pertama untuk melaksanakan pindaan untuk mewajibkan bangunan baru yang akan dibina untuk dilengkapi dengan system panel solar yang meliputi sekurang-kurangnya 50% keluasan bumbung. Pulau Pinang boleh menjadi negeri contoh kepada negeri-negeri lain untuk turut bersama-sama memainkan peranan dalam usaha mengurangkan pencemaran alam dan menuju penggunaan sumber tenaga yang lebih mesra alam.

Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan kerajaan negeri prihatin terhadap alam sekitar yang telah memperkenalkan pelbagai usaha dalam menangani isu alam sekitar termasuklah pengharaman penggunaan beg plastik. Oleh itu, negeri Pulau Pinang harus mengembangkan lagi usaha ini dengan melaksanakan inisiatif mewajibkan pemasangan panel solar meliputi sekurang-kurangnya 50% keluasan bumbung bagi projek pembinaan bangunan baharu. Dengan adanya inisiatif ini, ianya dapat mengurangkan lagi pencemaran, menambahkan peluang pekerjaan serta memacu ekonomi Pulau Pinang dan seterusnya menyumbang kepada ekonomi dan kesejahteraan Malaysia secara amnya.

Sekian, terima kasih.

Hong Jia Herh

EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa

Sidang Muda 2021



SIDANG MUDA
PULAU PINANG